

## Ugut dan rosakkan kereta jiran, lelaki dipenjara enam bulan, denda RM3,000

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara enam bulan dan denda RM3,000 ke atas seorang lelaki yang mengaku bersalah mengugut hendak mencederakan jirannya, selain merosakkan kereta mangsa sehingga mengakibatkan kerugian RM1,052.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Jemurphy Jenim, 30, yang tidak diwakili peguam dan didakwa atas dua pertuduhan.

Bagi pertuduhan pertama di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat terhadap kereta milik jiran wanita berusia 26 tahun, Ling memerintahkan tertuduh didenda RM3,000 atau enam bulan penjara.

Sementara bagi pertuduhan kedua mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu melakukan ugutan jenayah terhadap mangsa sama, Ling memerintahkan tertuduh dipenjara enam bulan.

Kedua-dua kesalahan itu dilakukannya sekitar jam 12.22

tengah hari pada 4 April 2026 di rumah mangsa di Kampung Bumbok, Kilometer 16 di Jalan Batu Kitang di sini.

Fakta kes mendedahkan mangsa sedang berada di dalam keretanya sebelum didatangi tertuduh dalam keadaan marah-marah dan bertindak memukul kereta mangsa di bahagian sebelah kanan pemandu.

Perbuatan khianat tertuduh terhadap kereta mangsa itu disaksikan oleh ibu mangsa, malah ibu mangsa turut mendedar ugutan tertuduh untuk memukul mangsa.

Selain itu, tertuduh sebelum ini juga dilaporkan sering pergi ke rumah mangsa dan mencestuskan pertengkaran dengan mangsa serta keluarganya.

Mangsa yang berasa takut dengan ugutan dan perbuatan tertuduh seterusnya membuat laporan polis sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Saflly Nor Kazly.